

## KEJOHANAN SUKAN ANTARA STAF KAMPUS SHAH ALAM (SASSA)

### **PERATURAN PERMAINAN BADMINTON**

#### **1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan Antara Staf Kampus Shah Alam (SASSA) Universiti Teknologi MARA.
- 1.1 Kecuali apa yang tersebut di dalam peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka Undang-undang Persekutuan Badminton Antarabangsa (BWF) hendaklah diikuti.

#### **2.0 ACARA YANG DIPERTANDINGKAN**

- 2.1 Pertandingan akan dijalankan secara Individu iaitu
  - 2.1.1 Beregu Lelaki
  - 2.1.2 Beregu Wanita
- 2.2 **FORMAT PERTANDINGAN**
  - 2.2.1 Pusingan awal akan dijalankan secara liga dalam kumpulan.
  - 2.2.2 Untuk pusingan kedua dan seterusnya akan diundi semula dan dijalankan secara kalah singkir.
  - 2.2.3 Pusingan awal hingga akhir, akan menggunakan sistem kiraan 30 mata.
- 2.3 Tiada perlawanan untuk tempat ketiga dan keempat. Kedua-dua pihak terus diisyiharkan sebagai pemenang tempat ketiga bersama.
- 2.4 Seorang pemain hanya dibenarkan bermain dalam satu acara sahaja.

#### **3.0 PENDAFTARAN PEMAIN**

- 3.1 Perkara yang berhubung dengan kelayakan pemain seperti yang ditetapkan.
- 3.2 Setiap Jabatan dibenarkan mendaftar tidak lebih 2 pasukan beregu lelaki dan 2 pasukan beregu wanita
- 3.3 Bilangan  
Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih dari 4 orang bagi atlet lelaki dan 4 atlet wanita dalam Sistem Pengurusan Kejohanan Sukan (SCMS)
- 3.4 Kelayakan  
**Pemain yang tidak disenaraikan namanya Sistem Pengurusan Kejohanan Sukan (SCMS) tidak dibenarkan mengambil bahagian**

### **3.5 Sistem Pengurusan Kejohanan Sukan (SCMS)**

Senarai nama di SCMS hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan/ Dekan/ Timbalan Dekan (HEP) atau Ketua Kontinjen yang telah dilantik oleh Setiap Jabatan/ Fakulti/ Kolej Pengajian masing-masing

### **3.6 Pertukaran Pemain**

Tiada pertukaran pemain selepas Majlis Undian dibuat oleh pihak Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

## **4.0 PERALATAN**

- 4.1 Bulu tangkis dan kelengkapan sukan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 4.2 Bulu tangkis yang akan digunakan adalah terhad dan hanya satu (1) biji sahaja diberikan pada setiap perlawanan.

## **5.0 CARA MEMUTUSKAN PERTANDINGAN**

- 5.1 Jika perlawanan diadakan secara Liga

5.1.1 Cara memberi mata : Menang - 3  
mata

Kalah - 0  
mata

5.1.2 Jika di akhir perlawanan dalam sesuatu kumpulan, lebih daripada satu pasukan memperolehi mata yang sama, maka keputusan akan ditentukan seperti berikut :-

5.1.2.1 Jika dua (2) pasukan yang terlibat, pasukan yang telah mengalahkan lawannya di peringkat kumpulan akan dikira pemenang.

5.1.2.2 Jika lebih dari dua (2) pasukan yang terlibat, pemenang akan ditentukan dengan kiraan perbezaan (difference) dari jumlah perlawanan (matches), set dan angka-angka mata yang telah diperolehi oleh pasukan-pasukan berkenaan.

5.1.3 Jika di perkara 5.1.2 didapati sama, maka pasukan-pasukan yang berkenaan akan diputuskan secara undian 'toss coin'.

5.2 Segala keputusan pengadil adalah muktamad

## **6.0 PAKAIAN**

Tiap-tiap pemain/pasukan hendaklah memakai pakaian seragam atau yang bersesuaian dengan Sukan Badminton

## **7.0 UNDIAN**

Undian untuk perlawanan akan dibuat semasa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

## **8.0 PENGADIL**

Jika berlaku sebarang pertelingkahan, pasukan-pasukan yang terlibat dikehendaki merujuk kepada Pengadil Kehormat dan keputusan beliau di atas perkara berkaitan dengan Undang-undang Badminton dan lain-lain hal adalah muktamad.

## **9.0 MELAPOR DIRI /KELEWATAN**

- 9.1 Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada Pengadil Kehormat setelah namanya diumumkan untuk bermain.
- 9.2 Masa selama 5 minit sahaja diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberikan kemenangan percuma dengan kiraan mata 30 – 0.

## **10.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN**

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa gelanggang tidak sesuai untuk permainan disebabkan hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan itu tidak dapat dimainkan atau sekiranya perlawanan diberhentikan akibat hal-hal yang di luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola.

## **11.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN**

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan am ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan yang berkenaan bdan keputusannya adalah muktamad.

